



## NOTIS MAKLUMAN

### **SEMAKAN MAKLUMAT HARGA JUALAN RUMAH (PEMBIAYAAN JENIS 3) DENGAN PANGKALAN DATA JABATAN PERUMAHAN NEGARA (JPN), KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa **4 November 2020**, LPPSA akan membuat semakan silang (*cross-check*) harga jualan rumah yang dibeli daripada pemaju projek perumahan di Semenanjung Malaysia dengan pangkalan data JPN melalui capaian portal rasmi JPN, KPKT. Semakan ini hanya akan dibuat bagi permohonan **pembiayaan Jenis 3 sahaja** (**pembelian rumah dalam pembinaan**).

Semakan ini juga bagi **menentusahkan harga jualan yang ditetapkan oleh pemaju kepada pelanggan LPPSA adalah dalam lingkungan harga yang didaftarkan oleh pemaju** semasa permohonan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan & Jualan (APDL) kepada JPN.

Sekiranya harga jualan yang ditawarkan kepada pelanggan LPPSA melebihi daripada lingkungan harga yang didaftarkan, **permohonan tersebut akan dikuiiri oleh LPPSA** dan seterusnya akan ditolak sekiranya pemaju gagal membuktikan kelulusan perubahan harga jualan yang diperolehi daripada JPN.

Pelanggan LPPSA juga dinasihatkan supaya membuat semakan sendiri melalui portal rasmi JPN, KPKT <https://ehome.kpkt.gov.my/> atau klik di **pautan ini** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai harga jualan yang ditawarkan oleh pemaju bagi mengelakkan sebarang masalah timbul setelah permohonan pembiayaan perumahan dikemukakan kepada LPPSA.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**4 November 2020**